

06/06/2002

Kem Aero sesuai untuk remaja gemarkan cabaran

SEMASA lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Ekspo Udara di Oshkosh, Wisconsin, Amerika Syarikat pada tahun 1995, beliau menyaksikan pelbagai sukan udara yang dipertontonkan kepada pengunjung. Kesan daripada lawatan itu, Perdana Menteri mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menubuhkan kelab Rakan Udara yang bertujuan memberi peluang kepada remaja di negara ini terbabit dengan aktiviti yang lebih mencabar.

Walaupun kelab itu berjaya dilancarkan pada tahun 1997 di kem Sungai Besi, aktiviti yang dijalankan tidak berpanjangan dan berkubur begitu saja.

Kini, remaja yang mahukan sukan rekreasi yang mencabar boleh merasai nikmat terbang bebas di udara dengan menggunakan paragliding iaitu sejenis sukan udara yang menggunakan payung terjun atau mereka boleh menaiki pesawat ringan jenis Cessna dan Rans untuk meninjau kehijauan pepohon sekitar bandar Segamat apabila menyertai Kem Musim Cuti Aero.

Tahniah diucapkan kepada Persatuan Luncur Udara Malaysia (PLUM), kerana berjaya menganjurkan Kem Musim Cuti Aero selama empat hari di Landasan Kecil Segamat, Johor yang secara langsung memberi impak mendalam kepada peserta.

Sememangnya, pembabitan pelajar dalam kegiatan kokurikulum bukan saja mampu meningkatkan semangat juang tinggi di kalangan mereka tetapi mampu membina jati diri mulia, menggalakkan daya intelek khususnya dalam kepimpinan serta meningkat disiplin diri.

Antara kesan segera dialami peserta ialah pengalaman mengendalikan paragliding dan menaiki pesawat ringan jenis Cessna dan Rans serta mengendalikan kapal terbang model.

Pastinya aktiviti yang baru diperkenalkan ini akan menarik lebih ramai penyertaan daripada pelajar pada masa akan datang. Perkhemahan Aero ini sesuai dengan bidang kerjaya yang ditawarkan beberapa institusi pengajian tinggi di negara ini. Usaha PLUM memperkenalkan program baru seperti ini harus diberi perhatian dan sokongan pihak terbabit kerana memberi pilihan yang lebih luas kepada pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.

(END)